

Headline	Rumah: Bank perlu pertimbang pembiayaan wakaf		
MediaTitle	Sinar Harian		
Date	03 Apr 2019	Color	Black/white
Section	Bisnes	Circulation	140,000
Page No	41	Readership	420,000
Language	Malay	ArticleSize	121 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 1,355
Frequency	Daily	PR Value	RM 4,066



Rumah: Bank perlu pertimbang pembiayaan wakaf

KUALA LUMPUR - Lebih banyak bank perlu mempertimbangkan pembiayaan wakaf untuk meningkatkan pemilikan rumah mampu milik melalui kerjasama dengan pihak berkepentingan, kata Ketua Pegawai Eksekutif Pusat Antarabangsa Pendidikan Kewangan Islam (INCEIF), Prof Dr Azmi Omar.

Beliau berkata, wakaf walaupun telah digunakan sebagai satu bentuk pembiayaan sektor hartanah, ia cenderung untuk menumpukan kepada hartanah komersial dan hartanah pertengahan kepada mewah.

“Mungkin terma ‘rumah mampu milik’ adalah satu stigma, tetapi aspek nama adalah isu yang berasingan. Lebih penting ialah keseluruhan idea dana wakaf ialah mewujudkan yang kekal,” katanya pada sesi membincangkan pembiayaan pe-

rumahan Islam pada persidangan rumah mampu milik di sini, semalam.

Katanya, aspek kekal dana wakaf itu memberi manfaat kepada orang ramai berikutan mereka akan memperoleh pulangan yang berterusan.

Beliau menyatakan kemungkinan untuk mewujudkan dana wakaf tunai, apabila individu dapat menyertai dana tersebut yang kemudiannya akan digunakan untuk membangunkan hartanah.

Azmi berkata, langkah itu boleh menjadi kenyataan berikutan kos tanah hampir percuma, yang akan membawa kepada pengurangan kos pembiayaan dan pembinaan.

“Rumah yang dibina dalam perjanjian wakaf boleh dijual pada harga berpatutan, dengan sebahagian daripada hasil disalurkan kepada aktiviti lain,” katanya. - *Bernama*